



## MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami dalam media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan. Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia untuk berkongsi pendapat anda dengan kami dari semasa ke semasa.

**16.12.2022**

### ❖ Satu lagi RPT oleh Genting Malaysia

Apabila membincangkan tentang Empire Resorts Inc, pemegang saham Genting Malaysia Berhad (GENM) mungkin dapat mengingat dengan jelas bagaimana transaksi pihak berkaitan (*related party transaction*, RPT) yang dilaksanakan oleh Syarikat tiga tahun lalu untuk memperoleh kepentingan dalam pengendali kasino yang merugikan telah mengakibatkan permodalan pasarannya kehilangan berbilion ringgit.

Kita imbas kembali transaksi pada Ogos 2019, yang menyaksikan GENM meneruskan RPT untuk memperoleh 35% pegangan dalam Empire Resorts yang merugikan daripada Kien Huat Realty III Limited (KHR) dengan balasan wang tunai berjumlah AS\$128.6 juta.

KHR ialah syarikat keluarga khas milik ketua Kumpulan Genting iaitu Tan Sri Lim Kok Thay. Apabila berita mengenai RPT itu diumumkan secara terbuka, ia mendapat kritikan hebat daripada komuniti pelabur.

Baru-baru ini, GENM menyatakan bahawa ia melaburkan sejumlah AS\$100 juta (RM438.5 juta) lagi untuk memperoleh saham keutamaan boleh tukar (Siri F) dalam Empire Resorts daripada KHR.

Tindakan ini telah meningkatkan pelaburan GENM dalam syarikat perjudian yang beribu pejabat di New York itu kepada AS\$624.4 juta. Dengan pelaburan terkini, pegangan GENM dalam Empire akan meningkat kepada 76.3% dengan mengandaikan penukaran penuh semua saham keutamaan.

Selain daripada yang dinyatakan di atas, GENM telah menyelesaikan beberapa pelaksanaan pelaburan dalam Empire Resorts pada masa lalu, iaitu:

- Pada 19 Mac 2020, GENM mengumumkan langganan sehingga AS\$40 juta Saham Keutamaan Siri G dalam Empire Resorts
- Pada 11 September 2020, GENM mengumumkan langganan sehingga AS\$150 juta Saham Keutamaan Siri L dalam Empire Resorts

- Pada 19 Mac 2021, GENM mengumumkan langganan sehingga AS\$20 juta Saham Keutamaan Siri L dalam Empire Resorts
- Pada 12 Oktober 2021, GENM mengumumkan langganan sehingga AS\$150 juta Saham Keutamaan Siri L dalam Empire Resorts

Secara ringkasnya, pelaburan GENM dalam Empire Resorts termasuk pemilikan tidak langsung 49% saham biasa serta 100% saham keutamaan Siri G dan Siri L.

Dengan mengandaikan penukaran penuh saham keutamaan Siri F, G dan L pada tahun 2030, pegangan saham hakiki GENM dalam Empire Resorts akan melonjak kepada 76.3% daripada 49% pada masa ini.

Menurut GENM, pemerolehan saham keutamaan akan membolehkan mereka "memanfaatkan lagi prospek pertumbuhan Empire dan mengukuhkan kedudukannya dalam pasaran perjudian di New York".

### **Pandangan MSWG**

MSWG telah mengulas tentang RPT yang pernah dilakukan oleh GENM sebelum ini. Pada pandangan kami, GENM perlu menjelaskan bagaimanakah ia melihat pelaburan itu dibuat dengan mengutamakan kepentingan terbaik Syarikat, walaupun pelaburan itu tidak tertakluk kepada kelulusan pemegang saham.

Jawatankuasa audit perlu memastikan bahawa RPT yang dilaksanakan ini tidak memudaratkan kepentingan Syarikat dan pemegang saham minoritinya.

Kami tidak pasti tentang perbincangan yang sudah dimuktamadkan sebelum Lembaga meluluskan RPT ini kerana transaksi seumpama ini memerlukan keputusan sebulat suara atau majoriti sebelum ia dilaksanakan.

Mungkin Lembaga Pengarah perlu menjelaskan lebih lanjut tentang pelaburannya dalam Empire Resorts memandangkan GENM akhirnya akan menjadi pemegang 66.6% kepentingan dalam Empire Resorts (dengan mengandaikan penukaran penuh saham keutamaan Siri G dan L kepada saham biasa selepas 31 Disember 2030), yang akan membolehkan ia menyatukan pendapatan pengendali kasino Amerika Syarikat itu ke dalam rekod kewangannya.

Penjelasan ini amat penting bagi menangani kebimbangan pemegang saham terutamanya apabila sesetengah penganalisis memberikan ramalan prospek yang pesimistik.

Segelintir penganalisis melihat tambahan suntikan modal ke dalam Empire Resorts sebagai risiko penurunan kepada GENM disebabkan oleh prospek pendapatan Empire Resorts yang kurang memberangsangkan. Pengendali perniagaan perjudian itu dijangka mengalami kerugian dalam tempoh lima tahun akan datang, walaupun prestasi kewangannya bertambah baik.

Selain itu, timbul kebimbangan apabila pengeluaran sehingga tiga lesen kasino penuh di selatan New York pada tahun 2023 yang mungkin berpotensi menjejaskan

prestasi Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (yang dikendalikan oleh Empire Resorts).

Setakat 30 September 2022, Empire Resorts merekodkan perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (*earnings before interest, tax, depreciation and amortisation*, EBITDA) berjumlah AS\$31.8 juta.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, GENM merekodkan bahagian kerugian yang lebih rendah daripada syarikat bersekutu berjumlah RM183.8 juta berbanding RM285.1 juta pada tahun kewangan 2020.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

### Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 19 hingga 23 Disember 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
20.12.22 (Selasa) 10.00 pagi	Digistar Corporation Berhad (EGM)	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan penempatan persendirian sehingga 30% daripada jumlah bilangan Saham Digistar yang diterbitkan, yang mana sehingga kira-kira 10% akan dilanggan oleh pemegang saham utama manakala bahagian selebihnya sehingga kira-kira 20% akan diserahkan kepada pelabur pihak ketiga yang akan dikenal pasti kemudian.</p> <p>Digistar juga berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan pindaan kepada Perlembagaan Syarikat yang bermakna pemegang saham akan mengetepikan hak terdahulu berkanun mereka di bawah Akta Syarikat 2016 untuk semua terbitan saham baharu oleh Syarikat pada masa hadapan.</p> <p>Jika resolusi tersebut diluluskan dengan pindaan yang dicadangkan, ini akan mengecualikan hak terdahulu</p>

		<p>berkanun tersebut untuk apa-apa terbitan saham baharu oleh Digistar pada masa hadapan.</p> <p>Apa-apa hak terdahulu pemegang saham selepas itu adalah semata-mata seperti yang terkandung dalam Perlembagaan dan peruntukan Seksyen 85 Akta tidak akan terpakai.</p>
20.12.22 (Selasa) 10.30 pagi	Green Ocean Corporation Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Green Ocean merosot 79.0% kepada RM7.6 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM36.3 juta pada tahun kewangan 2021, terutamanya disebabkan oleh ketiadaan perdagangan produk minyak sawit.</p> <p>Ia mencatatkan rugi sebelum cukai berjumlah RM20.8 juta pada tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: RM12.5 juta), terutamanya disebabkan oleh kerugian daripada pelupusan pelaburan disebut harga berjumlah RM7.36 juta dan kerugian daripada pelaburan disebut harga yang dinilai pada pasaran semasa berjumlah RM10.58 juta.</p> <p>Kumpulan menjangkakan perniagaan sarung tangan akan kekal mencabar dalam tempoh terdekat, maka ia akan terus memberikan penekanan terhadap rasionalisasi kos dan kecekapan operasi bagi mengekalkan prestasi.</p>
20.12.22 (Selasa) 02.00 petang	Opcom Holdings Berhad (EGM)	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan pemerolehan 100% kepentingan ekuiti dalam T&amp;J Engineering Sdn Bhd dengan jumlah pertimbangan pembelian sehingga RM90.0 juta dan cadangan mempelbagaikan aktiviti perniagaan Opcom Holdings Berhad dan anak syarikatnya dengan memasukkan perniagaan penyelesaian infrastruktur rangkaian telekomunikasi.</p>
22.12.22 (Khamis) 09.30 pagi	MCE Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat 24.75% tahun ke tahun kepada RM105.82 juta (tahun kewangan 2021: RM84.82 juta). Pendapatan</p>

		<p>yang lebih tinggi sebahagian besarnya disebabkan oleh keputusan Kerajaan untuk tidak melanjutkan insentif pengecualian cukai jualan bagi kenderaan penumpang selepas 30 Jun 2022, yang membawa kepada peningkatan permintaan yang ketara terhadap Proton dan Perodua.</p> <p>Oleh yang demikian, Kumpulan mencatatkan lonjakan 10 kali ganda dalam untung bersih kepada RM8.04 juta bagi tahun kewangan 2022 berbanding rugi bersih sebanyak RM0.83 juta pada tahun kewangan 2021.</p>
22.12.22 (Khamis) 10.30 pagi	Seal Incorporated Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2022, Kumpulan SEAL mencatatkan pendapatan berjumlah RM9.5 juta, menyusut RM9.3 juta berbanding RM18.8 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan 2021 sebelum ini.</p> <p>Pendapatan yang lebih rendah adalah disebabkan oleh jualan hartanah siap yang lebih rendah serta sumbangan yang lebih rendah daripada bahagian perkayuan.</p>
23.12.22 (Jumaat) 09.00 pagi	Sarawak Cable Berhad (AGM)	<p>SCABLE mencatatkan rugi sebelum cukai berjumlah RM103.5 juta dan pendapatan berjumlah RM819.9 juta pada tahun kewangan 2022. Kerugian ini disebabkan terutamanya oleh kerugian rosot nilai sebanyak RM54.5 juta daripada pelupusan PT Inpola Mitra Elektrindo.</p> <p>Sementara itu, segmen Kabel dan Wayar mencatatkan pendapatan berjumlah RM728.2 juta dan rugi sebelum cukai berjumlah RM37.0 juta. Kerugian itu disebabkan oleh gangguan rantaian bekalan dan operasi pengilangan yang kerap ditutup, lonjakan dalam kos pengangkutan dan penghantaran serta kenaikan harga bahan mentah.</p>
23.12.22 (Jumaat) 10.00 pagi	Xidelang Holdings Ltd (AGM)	<p>Pendapatan XiDeLang bagi tahun kewangan 2022 meningkat sebanyak 17% kepada RMB443.9 juta</p>

		<p>daripada RMB380.1 juta setahun yang lalu disebabkan peningkatan jualan daripada segmen pengeluar reka bentuk asal (<i>original design manufacturer, ODM</i>).</p> <p>Bagaimanapun, rugi bersihnya meningkat kepada RMB141.0 juta daripada RMB35.2 juta setahun yang lalu terutamanya disebabkan oleh pelupusan hutang lapuk yang berjumlah RMB60.5 juta, penalti ke atas kelewatan pembayaran hak guna tanah dan cukai hartanah berjumlah RMB16.3 juta, serta peningkatan kos pengeluaran dan logistik.</p>
--	--	--

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara / Isu penting untuk diketengahkan</b>
Digistar Corporation Berhad (EGM)	<p>Menurut Seksyen 85 Akta tersebut, pemegang saham Digistar mempunyai hak berkanun terdahulu untuk ditawarkan mana-mana saham baharu yang akan diterbitkan oleh Digistar yang mempunyai kedudukan yang sama dengan saham sedia ada. Hak berkanun terdahulu itu bagaimanapun tertakluk kepada Perlembagaan Syarikat.</p> <p>Jika pemegang saham meluluskan Cadangan Pindaan itu pada EGM yang akan datang, ini bermakna pemegang saham akan mengetepikan hak terdahulu berkanun mereka di bawah Akta untuk semua terbitan saham baharu oleh Digistar pada masa hadapan. Oleh yang demikian, meluluskan resolusi berhubung Cadangan Pindaan itu akan mengecualikan hak terdahulu berkanun tersebut untuk sebarang terbitan saham baharu oleh Digistar pada masa hadapan. Apa-apa hak terdahulu pemegang saham selepas itu adalah semata-mata seperti yang terkandung dalam Perlembagaan dan peruntukan Seksyen 85 Akta tidak akan terpakai.</p> <p>a) Apakah alasan untuk mendapatkan kelulusan menyeluruh daripada pemegang saham untuk mengetepikan hak terdahulu berkanun mereka di bawah Akta untuk semua terbitan saham baharu oleh Digistar pada masa hadapan melalui pindaan Perlembagaan Syarikat?</p> <p>b) Bukankah pemegang saham sepatutnya diberikan hak untuk membuat keputusan sama ada untuk mengetepikan hak terdahulu berkanun mereka di bawah Akta, untuk setiap terbitan saham baharu oleh Digistar pada masa hadapan?</p>

<p>Green Ocean Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan 2022, perniagaan sarung tangan menyumbang 85.6% daripada jumlah pendapatan Kumpulan. Kumpulan merekodkan margin kerugian kasar sebanyak 3.29% berbanding margin keuntungan kasar sebanyak 0.57% pada tahun kewangan 2021. Penyusutan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh trend menurun dalam harga jualan sarung tangan (halaman 4 dan 6, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Bagaimanakah Kumpulan berhasrat untuk mengurus tahap keuntungan kasar yang sebahagian besarnya dipengaruhi oleh faktor yang disebutkan di atas?</p> <p>b) Memandangkan terdapat lebih bekalan dan kejatuhan harga jualan purata (<i>average selling price, ASP</i>) sarung tangan, bagaimanakah Kumpulan dapat meningkatkan margin keuntungan kasarnya? Adakah Lembaga telah menilai kemampuan perniagaan pengilangan dan perdagangan sarung tangan Kumpulan?</p> <p>c) Syarikat telah memuktamadkan pelbagai pelaksanaan pengumpulan dana iaitu terbitan hak bersama waran pada 4 Januari 2021 dan penempatan persendirian pada 27 Ogos 2021, jumlah perolehan yang dikumpul yang diperuntukkan bagi perbelanjaan modal untuk perniagaan sarung tangan masih mempunyai baki yang tidak digunakan masing-masing berjumlah RM26.1 juta dan RM7.99 juta pada 30 Ogos 2022 (halaman 41, Laporan Tahunan 2022). Memandangkan landskap sektor sarung tangan semasa, yang mengalami persaingan pasaran yang sengit, situasi lebih bekalan dan penurunan dalam ASP sarung tangan, adakah Lembaga pernah membincangkan kemungkinan untuk menubuhkan sebuah kemudahan pengilangan sarung tangan yang baharu? Apakah kemajuan pelaburan Kumpulan dalam perniagaan pembuatan sarung tangan?</p> <p>d) Melangkah ke hadapan, apakah strategi Kumpulan untuk menghasilkan pertumbuhan yang lebih mampan dari segi prestasi kewangan, seterusnya memberikan nilai yang lebih baik kepada pemegang saham?</p>
<p>Opcom Holdings Berhad (EGM)</p>	<p>Memandangkan pekeliling bertarikh 5 Disember 2022, sila jelaskan mengapa syarikat menggunakan angka pulangan pasaran tahunan yang dijangkakan, kadar bebas risiko tahunan dan premium risiko ekuiti yang diekstrak daripada Bloomberg pada 22 Ogos 2022 (halaman 90 pekeliling) dalam penilaian dan bukannya menggunakan data pada tarikh praktikal terkini (<i>latest practicable date, LPD</i>) iaitu pada 15 November 2022 atau tarikh yang lebih hampir dengan LPD?</p> <p>Sila berikan angka terkini bagi pulangan pasaran tahunan yang dijangkakan, kadar bebas risiko tahunan dan premium risiko ekuiti.</p>

MCE Holdings Berhad (AGM)	<p>Industri automotif dijangka kekal mencabar berikutan gangguan rantaian bekalan yang berkaitan kekurangan bekalan cip, penyambungan semula cukai jualan dan perkhidmatan selepas Jun 2022 serta kenaikan gaji minimum daripada RM1,200 kepada RM1,500. (halaman 43, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Selain kenaikan gaji minimum daripada RM1,200 kepada RM1,500, pelaksanaan pindaan baharu ke atas Akta Kerja 1955 oleh Kerajaan turut merangkumi pengurangan waktu bekerja mingguan, kenaikan ambang gaji untuk kelayakan bayaran lebih masa dan kenaikan cuti bersalin kepada ibu dan bapa dijangka berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023.</p> <p>Sejauh manakah kenaikan gaji minimum dan pindaan baharu yang berkaitan Akta Kerja 1955 akan memberi kesan terhadap Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 2023?</p>
Seal Incorporated Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mempunyai penumpuan risiko kredit yang ketara dalam bentuk baki tertunggak yang perlu dibayar daripada satu pelanggan (2021: satu pelanggan) yang mewakili 93% (2021: 92%) daripada jumlah penghutang perdagangan. (Halaman 115, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Bagaimanakah Kumpulan merancang untuk mengurus penumpuan risiko kredit yang tinggi daripada satu pelanggan?</p> <p>b) Sila berikan nama pelanggan tunggal tersebut.</p> <p>c) Dari segmen perniagaan manakah pelanggan tunggal itu?</p> <p>d) Apakah cabaran yang dihadapi oleh Kumpulan untuk mengutip amaun terhutang daripada pelanggan tunggal itu?</p> <p>e) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan bagi memastikan bahawa hutang yang perlu dibayar oleh pelanggan tunggal itu tidak meningkat dengan ketara pada masa hadapan?</p> <p>f) Berapakah jumlah penghutang dagangan yang terhutang daripada pelanggan tunggal itu berjaya dikutip dalam tahun kewangan 2022?</p> <p>g) Adakah terdapat sebarang kemungkinan berlaku rosot nilai ke atas jumlah terhutang daripada pelanggan tunggal ini pada tahun kewangan 2022? Jika ya, berapakah jumlah yang dijangkakan?</p>
Sarawak Cable Berhad (AGM)	<p>Segmen pembinaan menyaksikan pemulihan yang stabil sepanjang tahun lalu. Usaha Kumpulan untuk menceburi bidang penyelenggaraan dan perkhidmatan membawa hasil yang positif apabila Trenergy Infratructure Sdn Bhd (TRENERGY) berjaya memperoleh kerja-kerja penyelenggaraan talian</p>



	<p>penghantaran, pada masa yang sama berada dalam kedudukan yang baik untuk mendapatkan beberapa lagi tender penyelenggaraan grid kuasa. (halaman 5, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Berapakah buku pesanan yang tertunggak bagi segmen pembinaan pada 30 Jun 2022?</p> <p>b) Berapakah jumlah buku tender semasa dan penambahan buku pesanan yang disasarkan bagi tahun kewangan 2023?</p> <p>c) Berapakah sumbangan daripada segmen penyelenggaraan pada tahun kewangan 2022 berbanding tahun kewangan 2021?</p>
<p>Xidelang Holdings Ltd (AGM)</p>	<p>1. Terdapat sejumlah besar RMB60.5 juta hutang lapuk dihapus kira pada tahun kewangan 2022 (jumlah ini tiada pada tahun kewangan 2021) yang dikaitkan oleh Kumpulan kepada baki terhutang daripada pengedar sah yang menghadapi masalah kewangan disebabkan oleh pandemik Covid-19. Apakah langkah yang diambil untuk mendapatkan semula hutang lapuk ini sebelum hapus kira? Adakah terdapat hapus kira yang serupa pada tahun kewangan 2023?</p> <p>2. Sila jelaskan sebab dikenakan penalti ke atas kelewatan pembayaran hak guna tanah dan cukai hartanah berjumlah RMB16.3 juta (halaman 82, Laporan Tahunan 2022). Apakah tindakan yang diambil bagi memastikan kejadian yang sama tidak berulang?</p>

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))

#### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

#### PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau

*bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*